



Gabungan pelajar mantapkan persembahan teater 'Wali Untukku'

Persembahan pementasan gabungan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan Akademik Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam 'Teater Wali Untukku' yang berlangsung di Dewan Astaka UMP pada 20 April 2014 yang lalu sungguh mengagumkan dan meninggalkan kesan di hati penonton yang hadir.

Ianya mengisahkan kisah cinta antara insan yang berlainan agama, keturunan dan kepercayaan di antara Shirazee dan Karina selepas pemergian Qozaiha dalam hidup Shirazee sehingga menimbulkan pelbagai tragedi yang melanda kisah percintaan mereka yang terhalang itu.

Walaupun berlatarbelakangkan jurusan yang berbeza, gabungan seramai 30 pelajar ini berjaya memberikan persembahan teater dan puisi yang terbaik serta mendapat tepukan gemuruh dari penonton yang hadir menyaksikan persembahan anjuran Unit Kebudayaan UMP baru-baru ini.

Ketua Kumpulan Teater WARIS, Muhammad Aliff Adzham Anuar berkata, kumpulan teater ini ditubuhkan di bawah Sekreteriat

Kebudayaan bagi mengembangkan bakat pelajar UMP dalam bidang pementasan teater juga membantu menonjolkan lagi bakat serta kebolehan mereka dengan lebih berkesan.

"Penampilan sulung kumpulan teater ini bermula dari tahun 2011 dengan mempersembahkan Teater Rukh di Festival Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM)" kata pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) ini.

Katanya, setakat ini kumpulan ini telah berjaya mementaskan beberapa persembahan termasuk Ustaz Zapin, Konspirasi Bangkit, Keroncong untuk Ana, Si Buyung dan bakal beraksi nanti adalah Ros Terakhir (Pelamin Si Buyung).

Berkongsi pengalaman dengan penulis dan penerbit program teater, Mohd Rahimi Jaafar, 32 yang mengajar di UiTM Puncak Perdana dalam bidang Pengurusan Kreatif berkata, anggota WARIS telah memberi kerjasama yang baik dalam mempromosikan kebudayaan di UMP.

Menurutnya, pelajar mendapat pendedahan lebih luas apabila terlibat dengan pementasan. Gabungan mantap ini memberi peluang untuk belajar melontarkan

suara dan meningkatkan tahap pemahaman terhadap pencahayaan, pengurusan, lakonan, pemahaman skrip, promosi dan persiapan pentas.

Tambahnya, konsep mentor mante turut diajar agar pelajar mendapat pengalaman ketika berdepan dengan situasi yang berbeza. Beliau mengharapkan penonton dapat melihat persembahan seni ini bukan sekadar berhibur malah dapat menerapkan lagi keyakinan diri dalam kalangan pelajar.

Pelajar UMP, Norasma Akina, 20 dari FKKSA yang berpeluang mengikuti teater berkata, persembahan mereka bersemangat, bertenaga dan berbakat serta penonton dapat memahami jalan cerita dengan baik. Malahan katanya, pelajar memiliki bakat yang mengagumkan dan mendapat sorakan gemuruh daripada penonton ketika mereka melakonkan sesuatu watak yang mirip pelakon terkenal.

Begitu juga dengan Nor Syuhaida Faizul, 20, pula menggambarkan persembahan teater tersebut sangat bagus dan tidak menyangka teater yang dipersembahkan mampu menyentuh hati dan memberikan kesan kepada penonton yang hadir.